

# MPK buru anjing liar bila dapat aduan

**S**AJA sering terserempak dengan beberapa ekor anjing liar berkeliaran di sekitar taman perumahan setiap kali saya pulang ke rumah dan berasa tidak selamat kerana bimbang saya dan dua anak diserang haiwan terbabit.

Sehubungan itu, saya ingin tahu apakah tindakan sewajarnya patut diambil bagi memastikan haiwan terbabit ditangkap untuk mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

**WARGA PRIHATIN**  
Bandar Kuantan

**T**ERIMA kasih kerana aduan yang dikemukakan. Warga Kuantan yang mempunyai aduan yang sama diminta melaporkan kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) bagi memudahkan operasi menangkap haiwan itu.

Sebenarnya, Unit Pengukuhan MPK dengan kerjasama syarikat swasta me-

lakukan operasi memburu dan menangkap anjing yang berkeliaran di sekitar bandar selepas menerima banyak aduan.

Unit terbabit menjalankan operasi di sekitar taman perumahan dan pusat rekreasi bagi menangkap haiwan terbabit. Pada masa sama, MPK mengambil tindakan tegas termasuk menganekan kompaun ke atas pemilik haiwan yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan itu, kami harap orang ramai yang melihat kehadiran haiwan itu di luar kawasan peliharaan pemiliknya atau mengancam keselamatan orang ramai supaya terus berhubung dengan MPK di talian 09 5121666. Aduan ini akan memudahkan MPK membuat operasi segera.

**HASLINDA HASSAN,**  
Pegawai  
Perhubungan Awam  
Majlis  
Perbandaran Kuantan



ANJING liar perlu dipantau untuk memastikan keselamatan orang ramai terjamin.